

# Parti Cina mahu waktu khas ajar Sains, Matematik dalam BI

UM 29 OCT 2002

Oleh ZULKIFLI JALIL

PUTRAJAYA 28 Okt. — Empat parti Cina dalam Barisan Nasional (BN) diketuai MCA mahukan supaya pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) tahun depan diperuntukkan waktu khas dalam jadual persekolahan.

Ini bermakna penyelesaian isu itu yang dijangka dicapai pada mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) Khamis ini, masih menjadi tanda tanya.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik berkata, keputusan muktamad itu dicapai selepas mesyuarat dua kali antara empat parti Cina dan pakar-pakar pendidikan kaum Cina dalam tempoh seminggu yang ditetapkan oleh Dewan Tertinggi, 22 Oktober lalu.

“Sekarang ini, kita nak minta waktu khas bagi pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di SJJC.

“Kita telah menyiapkan cadangan (balas) dan ia akan dikemukakan kepada Dewan Tertinggi BN,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Kualiti 2002 dan Anugerah Khidmat Cemerlang 2001 kementerianannya di sini hari ini.

Beliau mengulas perkembangan rundingan antara empat parti Cina dengan pakar-pakar pendidikan kaum itu untuk mencari pendekatan sesuai melaksanakan dasar itu di SJJC.

Selasa lalu, parti-parti Cina berkenaan iaitu MCA, Gerakan, Parti Maju Sabah (SAPP) dan Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) meminta tempoh seminggu dari

pada Dewan Tertinggi BN untuk berbuat demikian.

Berdasarkan cadangan awal yang telah diterima di sekolah kebangsaan, pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dimulakan untuk murid Tahun Satu, Tingkatan satu dan Tingkatan Enam Rendah.

Menurut Liong Sik lagi, rundingan empat parti Cina yang diketuainya dalam penyelesaian isu itu tidak melibatkan pertubuhan cauvinis Cina, Dong Jiao Zong yang menentang keras dasar tersebut.

Ditanya sama ada beliau yakin Dewan Tertinggi BN akan menerima keputusan empat parti Cina itu Khamis ini, beliau berkata:

“Seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selalu kata, BN sentiasa ada cara untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Lagi pun, ini bukan kali pertama BN menyelesaikan masalah, sudah banyak kali.”

Sabtu lalu, Timbalan Presiden Gerakan Datuk Kerk Choo Ting berkata, masa pembelajaran bagi beberapa subjek mungkin dikurangkan bagi memberi masa yang lebih banyak kepada Sains dan Matematik yang akan diajar dalam bahasa Inggeris di SJJC.

## Diputuskan

Katanya, dalam hubungan ini, empat parti Cina berkenaan sedang meneliti jadual waktu sekolah-sekolah.

Tegas Choo Ting: “Beberapa subjek perlu memberi laluan seperti pendidikan moral, kelas komputer dan satu lagi yang akan diputuskan oleh guru besar.”

Beliau merujuk kepada jadual waktu SJJC sebanyak

45 waktu seminggu bagi darjah satu dan tiga dan 48 waktu seminggu bagi Darjah Empat hingga Enam yang merangkumi 11 mata pelajaran.

Kini, Sains diperuntukkan lima waktu seminggu dan Matematik tujuh waktu seminggu di SJJC, yang keduanya diajar dalam bahasa Cina.

Sementara itu satu sumber parti Gerakan memberitahu, empat parti berkenaan tetap mahukan pengajaran Sains dan Matematik diajar dalam dwibahasa iaitu Mandarin dan Inggeris di SJJC.

Keputusan itu dicapai selepas parti-parti Cina tersebut mengadakan dua mesyuarat dengan pakar-pakar pendidikan kaum itu tanpa melibatkan pertubuhan cauvinis, Dong Jiao Zong.

Menurut sumber itu, menerusi kaedah dwibahasa itu, terminologi Sains dan Matematik akan menggunakan bahasa Inggeris tetapi penjelasan maksudnya kepada pelajar akan dibuat dalam Mandarin.

Katanya, kaedah itu akan dilaksanakan dalam jadual waktu persekolahan biasa tanpa melibatkan kelas tambahan.

“Apa yang penting sekarang ialah SJJC mematuhi dasar pendidikan baru negara. Soal sama ada SJJC tidak mematuhi dasar itu tidak timbul,” katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat berkata, tempoh seminggu yang diberikan kepada parti-parti Cina yang diketuai oleh MCA itu sejak Selasa lalu, tamat esok.